

19/07/1999

Ceramah Hadi kecewakan 2,000 ahli

JERTIH, Ahad - Kira-kira 2,000 orang yang menghadiri ceramah Pesuruhjaya Pas Terengganu, Hadi Awang di sini malam tadi, kebanyakannya ahli Pas Besut, kecewa kerana kegagalan Timbalan Presiden Pas itu memperjelaskan kekusutan menyebabkan pemecatan empat ahli dan pembubaran Dewan Pemuda Pas kawasan itu.

Ceramah di Kampung Tok Raja itu dinantikan penyokong Pas kerana Hadi sebelum ini didakwa menjadi punca masalah parti di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, ceramah itu bertukar menjadi medan Hadi menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai jahil dalam agama.

Kegagalan Hadi itu dilihat oleh kumpulan Abdul Latif Mohamad, bekas Ketua Pas Kawasan Besut dan bekas Ketua Dewan Pemuda Pas, Wan Mohamad Wan Ahmad, sebagai usaha tidak mahu mengeruhkan ketegangan dalam parti berkenaan di kawasan itu.

Isu pokok mengenai pemecatan mereka dan pembubaran Dewan Pemuda Pas tidak langsung disentuh Hadi dalam ceramahnya, sebaliknya beliau menghentam Dr Mahathir dengan menuduh Perdana Menteri jahil kerana tidak mahu menerima undang-undang hudud yang dikemukakan kerajaan Pas Kelantan.

Hadi turut menuduh wujudnya `syaitan bisu' dalam kepemimpinan Umno kerana ulama dalam parti itu gagal menjalankan tugasnya untuk memandu dan menerangkan perkara benar kepada Perdana Menteri.

Beliau juga menuduh Kerajaan Pusat menghantar surat kepada kerajaan Kelantan supaya jangan melaksanakan undang-undang hudud di negeri itu dengan alasan tertentu.

Timbalan Presiden Pas itu juga mendedahkan pertemuannya dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di mahkamah Selasa lalu selepas dijemput berbuat demikian.

Hadi mendakwa, Pas sentiasa berjuang untuk golongan yang dizalimi seperti Anwar, yang sebelum ini pernah berjasa kepada negara, walaupun bekas Timbalan Perdana Menteri itu kurang senang dengan Pas.

Katanya, Anwar yang cuba menerapkan nilai Islam dalam Umno bagaimanapun gagal dan terpaksa menerima fitnah meliwat dan menghadapi tuduhan liar yang amat zalim.

(END)